

مسجد التقوى
MASJID AT-TAQWA
BANDAR BUKIT MAHKOTA

GARIS PANDUAN

Khairat

Kematian

Diterbitkan Oleh :
BIRO KHAIRAT KEMATIAN DAN TANAH KUBUR MASJID AT-TAQWA BANDAR BUKIT MAHKOTA,
LOT 4267, DAERAH HULU LANGAT, 43000 KAJANG SELANGOR
Cetakan Pertama, 2021.
(Pindaan 21 Januari 2024)



PENGENALAN

Dikenali sebagai
**PENGURUSAN
KHAIRAT KEMATIAN
MASJID AT-TAQWA
BANDAR
BUKIT MAHKOTA.**

Selepas ini disebut
sebagai PKK MATBBM.



PENDAFTARAN & TEMPAT URUSAN

Pengurusan ini di bawah qaryah
Masjid At-Taqwa Bandar Bukit
Mahkota bersama surau- surau \ yang berdaftar dengan Jabatan
Agama Islam Selangor.
Urusan pengurusan induk serta
alamat surat menyurat adalah:

**PEJABAT PENGURUSAN
KHAIRAT DAN KUBUR
MASJID AT-TAQWA
BANDAR BUKIT
MAHKOTA, LOT 4267,
DAERAH HULU LANGAT,
43000 KAJANG SELANGOR**

3 MATLAMAT

3.1

- > Menyediakan kos perbelanjaan pengurusan jenazah apabila berlaku kematian ke atas ahli atau tanggungan /waris dengan memastikan pengurusannya dapat dilaksanakan dengan kadar segera.



- > Membantu mengurangkan bebanan dan tekanan yang mungkin ditanggung oleh keluarga yang mengalami ujian kematian di kalangan salah seorang ahli atau daripada tanggungan/waris. Ini dilakukan dengan membantu keluarga berkenaan, menguruskan jenazah bagi memenuhi tuntutan fardhu kifayah.

3.2



- > Menyediakan peluang kepada ahli khairat agar saling menyumbang dalam menyuburkan amalan kebajikan dengan cara membantu saudara seagama yang memerlukan bantuan apabila ditimpa ujian kematian.

3.3



4.1

Terbuka kepada warganegara yang beragama Islam yang tinggal dalam kariah Masjid AT-Taqwa Bandar Bukit Mahkota, sama ada penduduk tetap ataupun penyewa dan tiada had umur, kecuali pada fasa 4.4.

4.2

Bukan warganegara (pemastautin tetap/bukan tetap) yang berkeluarga boleh berdaftar mengikut ahli isi rumah mengikut alamat tempat tinggal.

4.3

Warganegara dan bukan warganegara yang menetap secara individu hendaklah mendaftar secara individu dan hendaklah melampirkan bersama penama waris terdekat samaada majikan, tuan rumah atau ahli keluarga terdekat yang tidak tinggal bersama dalam kawasan kariah.

4.4

Setiap permohonan yang telah diluluskan berdasarkan 4.1 dan 4.2 hendaklah membayar yuran pendaftaran dan yuran tahunan terlebih dahulu seperti yang telah ditetapkan sebelum boleh diterima menjadi ahli.

4.5

Sekiranya ahli meninggal dunia, menjadi tanggungjawab ahli tanggungan waris untuk mengemaskini semula keahliannya. Jika gagal membuat demikian, secara automatik manfaat kepada ahli tanggunggannya/waris terbatal selepas 1 tahun.

4.6

Definisi ahli tanggungan/waris adalah ahli keluarga yang tinggal bersama di bawah satu alamat rumah kediaman.

4.7

Mana-mana ahli yang berpindah dalam tempoh tahun semasa, maka ahli tersebut layak untuk menerima manfaat sumbangan dari pihak PKK MATBBM. Manfaat dan keahlian bagi ahli isi rumah bagi tahun seterusnya terbatal secara

4.8

Bagi pendaftaran baharu, had tempoh matangnya adalah dua (2) bulan daripada tarikh pendaftaran. Keahlian dan manfaat sumbangan hanya sah mengikut tahun yang semasa.

4.9

Jika ahli gagal membuat pembayaran tahunan dalam tempoh 2 tahun berdasarkan fasal 5(5.3), dan ahli tersebut meninggal, maka hilang kelayakan untuk menerima manfaat berdasarkan fasal 6(6.3)

4.10

Tanggungan/waris boleh mendaftar semula dengan tambahan caj pengurusan RM10.00 dan perlu membayar yuran tunggakan bagi tujuan mengekalkan status keahliannya.

4.11

Bagi urusan penambahan nama tanggungan/waris, ahli perlulah membuat permohonan di aplikasi Khairat Kita atau di pejabat MATBBM.

4.12

AJK PKK MATBBM berhak menolak suatu permohonan untuk menjadi ahli sekiranya didapati pemohon memberi maklumat yang tidak benar atau palsu.

YURAN PENDAFTARAN TAHUNAN



Setiap ahli baharu hendaklah membayar yuran pendaftaran sebanyak RM10.00.



Bagi ahli yang telah berdaftar dengan surau-surau yuran RM10.00 dikecualikan. Dan perpindahan keahlian ke PKK MATBBM adalah secara automatik.

5.1

5.2

FASA



5.3

5.4

Setiap ahli dikenakan yuran tahunan sebanyak RM 50.00 dan dibenarkan membayar untuk tempoh maksimum 3 tahun sahaja serta hendaklah dibayar pada suatu tempoh yang ditetapkan.

Segala wang keahlian dan lain-lain sumber pendapatan hendaklah dimasukkan ke dalam akaun Bank Islam Malaysia Berhad dengan Nama : Khairat Kematian Dan Tanah Kubur MATBBM : 160-180-100-357- 66



FASA 6 LUCUT KEAHLIAN

6.1

Ahli yang sengaja melanggar garis panduan ini atau berkelakuan tidak baik sehingga mencemar nama baik atau mendatangkan kerugian kepada pengurusan ini, keahliannya boleh dibatalkan oleh Ahli Jawatankuasa PKK MATBBM.

6.2

Ahli-ahli yang hendak berhenti daripada keahlian ini hendaklah membuat surat secara bertulis dan dihantar ke Pejabat Pengurusan Khairat Dan Kubur Masjid At- Taqwa Bandar Bukitmahkota, Lot 4267, Daerah Hulu Langat, 43000 Kajang Selangor.

6.3


Mana-mana ahli yang tidak membayar yuran tahunan dalam tempoh dua (2) tahun berturut-turut setelah diberi peringatan secara SMS/e-mail maka keahliannya terlucutkan secara automatik.

6.4

Ahli yang terlucut keahliannya dan telah membayar segala yuran maka tidak boleh membuat tuntutan pemulangan wang dalam Fasal 5.

FASA 7 MANFAAT KHAIRAT KEMATIAN

Manfaat akan disalurkan untuk menampung kos seperti berikut:



Surat makluman bayaran pengurusan jenazah akan dikemukakan oleh Bendahari setelah disahkan oleh Ketua AJK Kecil Pengurusan Jenazah. Sekiranya kos pengurusan jenazah dan pengkebumian kurang daripada jumlah manfaat yang telah ditetapkan, maka pihak PKK MATBBM akan menyerahkan bakinya kepada waris simati.

7.2

Kematian ahli dan semua ahli tanggungan waris serta kadar manfaat seperti dilampiran A, adalah seperti berikut:

7.1

Pembayaran yuran akan digunakan bagi membeli segala kelengkapan pengurusan jenazah, membayar bil-bil yang berkaitan dengan urusan jenazah dan perbelanjaan pihak pengurusan sahaja.

7.4

Sekiranya kos pengurusan jenazah dan pengkebumian melebihi jumlah manfaat yang telah ditetapkan, maka pihak waris simati perlu menanggung kos yang selebihnya.

7.3

FASA

8

SYARAT TUNTUTAN MANFAAT

8.1

Manfaat akan disalurkan apabila berlaku kematian keatas ahli dan ahli tanggungan/waris yang namanya ada di dalam senarai daftar yang disimpan oleh Jawatankuasa PKK MATBBM dengan syarat terdapat daftar kematian yang sah.

8.2

Ahli yang telah menjelaskan yuran pendaftaran tahunan.

8.3

Tempoh tuntutan manfaat bagi keseluruhan atau sebahagian pengurusan jenazah yang dilakukan diluar kariah hendaklah dituntut dalam tempoh 6 bulan.

KADAR KOS PENGURUSAN JENAZAH DALAM KARIAH MASJID AT-TAQWA, BANDAR BUKIT MAHKOTA

BIL	PERKARA		KOS BAGI AHLI	KOS BAGI BUKAN AHLI
	PERUNTUKAN MANFAAT KHAIRAT KEMATIAN		RM1,500.00	RM0.00
1	BAYARAN UNTUK PEMBELIAN PERALATAN MANDI DAN KAFAN JENAZAH		(-) RM200.00	(+) RM200.00
2	BAYARAN SAGUHATI UNTUK PETUGAS MANDI & KAFAN JENAZAH		(-) RM200.00	(+) RM200.00
3	BAYARAN KEPADA PENGURUSAN TANAH KUBUR		(-) RM500.00	(+) RM650.00
4	BAYARAN SAGUHATI KEPADA IMAM SOLAT JENAZAH		(-) RM50.00	(+) RM50.00
5	BAYARAN SAGUHATI KEPADA IMAM TALQIN		(-) RM50.00	(+) RM50.00
6	BAYARAN PERKHIDMATAN JENAZAH	DALAM KAWASAN BUKIT MAHKOTA	(-) RM50.00	(+) RM50.00
		LUAR KAWASAN BUKIT MAHKOTA	MINIMUM RM50 ATAU RM1/KM + TOL	MINIMUM RM50 ATAU RM1/KM + TOL
7	SAGUHATI KEPADA PEMANDU & PEMBANTU VAN JENAZAH	DALAM KAWASAN BUKIT MAHKOTA	(-) RM50.00	(+) RM50.00
		LUAR KAWASAN BUKIT MAHKOTA YANG MELIBATKAN KAWASAN : • HOSPITAL KAJANG, SERDANG, SEREMBAN DAN PUTRAJAYA	MINIMUM RM50 ATAU 70 SEN/KM	MINIMUM RM50 ATAU 70 SEN/KM
8	WANG IHSAN DIBERIKAN KEPADA WARIS (SEKIRANYA ADA LEBIHAN)		*RM400.00	**RM0.00

LEBIHAN RM400.00 DIBERIKAN SEKIRANYA KEMATIAN BERLAKU DALAM KAWASAN BUKIT MAHKOTA.
[RUJUK FASAL 7 (7.2) & (7.3)]

****BUKAN AHLI PERLU MEMBAYAR SEMUA KOS PENGURUSAN JENAZAH DAN TIDAK MENDAPAT WANG IHSAN**

NOTA: KOS PENGURUSAN JENAZAH DI DALAM JADUAL BOLEH BERUBAH BERDASARKAN KOS SEMASA